



TARIKH : 09 AUG 2018

**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta **beralamat dalam Negeri Kedah dan berdaftar dengan Majlis Perbandaran Langkawi** dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut :

NO. TAWARAN	TAJUK KERJA	LAWATAN TAPAK	SYARAT PENDAFTARAN
MPLBP / SBT / 26 / 2018	CADANGAN MENAIKTARAF TAPAK PELUPUSAN DI KAMPUNG BELANGA PECAH, MP.LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN	Tarikh (Hari) 15 AUG 2018 LOKASI BERKUMPUL: TAPAK PELUPUSAN KG BELANGA PECAH PENDAFTARAN : 9.30 PAGI – 10.00 PAGI	GRED : G2 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 (KERJA-KERJA AM KEJURUTERAAN AWAM) DAN Kategori : B Pengkhususan : B04 (KERJA-KERJA AM BANGUNAN)

2. Borang Sebutharga boleh didapati dari Jabatan Perbendaharaan (Kaunter Hasil) Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, Kuah, Langkawi dengan harga **RM 10.00** mulai **15 AUG 2018** hingga **26 AUG 2018**

3. Borang Sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah sahaja berdasarkan kepada surat pendaftaran asal yang dikemukakan.

4. Kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** membawa **SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN** serta **SIJIL TARAF BUMIPUTERA dan Sijil CIDB** untuk menghadiri taklimat sebutharga dan seterusnya menyertai satu lawatan tapak bina. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri pada **15 AUG 2018** bagi menghadiri taklimat lawatan tapak. **Hanya pemegang lesen yang sah dan berdaftar dengan MPLBP sahaja** berhak hadir dalam lawatan tapak, **WAKIL TIDAK DIBENARKAN**.

5. Semua Borang Sebutharga mestilah dikemukakan di dalam surat bemetri dan di alamatkan kepada **Yang Dipetua, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan** dan dimasukkan ke dalam Peti Surat di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Nombor sebutharga hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat **minima bersaiz A4**.


6. Sebutharga ini akan ditutup pada **26 AUG 2018** Jam 12.00 tengahari. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"

Saya yang menurut perintah,


(ABDUL BARI BIN ABDULLAH., AMK., BCK)

Yang Dipertua

MPLBP

Tarikh :